

**17
OKTOBER
2021****KUNJUNGAN DELEGASI ADUN
BULOH KASAP DAN AHLI MAJLIS
PERBANDARAN SEGAMAT KE
UiTM CAWANGAN JOHOR,
KAMPUS SEGAMAT****UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA**
CAWANGAN JOHOR

Pada 15 Oktober 2021, UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ), Kampus Segamat telah menerima kunjungan hormat daripada delegasi yang diketuai oleh YB Dato' Zahari bin Sarip, Adun Buloh Kasap beserta dua orang wakil daripada Ahli Majlis Perbandaran Segamat iaitu En. Mohd Azami bin Othman dan Puan Hajar binti Mohamed. Kunjungan yang tiba tepat pada jam 9.00 pagi adalah susulan daripada beberapa siri pertemuan yang bermula bersama YBhg. Prof. Emeritus Tan Sri Dato` Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah, Pengerusi Yayasan Minda merangkap Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Teknologi MARA, dalam membantu UiTMCJ membangunkan fasiliti pengajaran dan pembelajaran, mengembangkan hasil penyelidikan, menjadikan kampus sebagai hab ekonomi komuniti serta sumbangan barangan keperluan pencegahan risiko jangkitan Covid-19.

Hasil daripada kunjungan ini, YB Dato' Zahari bin Sarip telah mengumumkan bahawa UiTMCJ, Kampus Segamat telah dan bakal menerima sumbangan secara keseluruhannya mencecah hampir RM50,000. Berikut merupakan di antara pecahan-pecahan peruntukan sumbangan yang diberikan:

- i. RM30,000 peruntukan diberikan kepada Bahagian Hal Ehwal Akademik (HEA) untuk membangunkan fasiliti pengajaran dan pembelajaran dengan membantu membeli peralatan serta menaiktaraf capaian internet bagi kegunaan pelajar-pelajar UiTMCJ.
- ii. RM6,000 peruntukan diberikan kepada Persatuan Wanita Universiti Teknologi MARA (PEWANI) UiTMCJ untuk membantu mengembangkan projek penternakan lebah kelulut.
- iii. RM5,000 peruntukan diberikan kepada Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri dan Alumni (BPJI&A) UiTMCJ untuk kajian dapatan Daerah Segamat yang bakal melibatkan pertambahan kawasan sebanyak +30km radius.
- iv. RM5,000 peruntukan diberikan kepada Unit Kesihatan UiTMCJ untuk membeli pelitup muka dan cecair pensanitasi tangan.



Secara ringkasnya, program kunjungan ini telah dimulakan dengan penyerahan sumbangan pelitup muka kepada ibu bapa serta pelajar-pelajar yang hadir mendaftar di kolej-kolej kediaman. Sesi penyerahan ini telah dibantu oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) dan juga pelajar-pelajar dari Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UiTMCJ.

Seterusnya, program ini bersambung dengan sesi pertemuan bersama Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN) UiTMCJ yang dihadiri oleh Rektor, Prof. Dr. Haji Ismail bin Ahmad, Prof. Madya Dr. Akmal Aini binti Othman (Timbalan Rektor HEA), Prof. Madya Dr. Zamali bin Tarmudi (Timbalan Rektor HEP), Prof. Madya Dr. Saunah binti Zainon (Timbalan Rektor BPJI&A), En. Norizan bin Abdul Talib (Timbalan Bendahari Kanan), Puan Mawar Noor binti Abdullah (Timbalan Ketua Pustakawan) dan En. Mohd Sharudin bin Mazlan (Penolong Pendaftar Pentadbiran). Menerusi pertemuan ini, YB Dato' Zahari telah bersetuju untuk terus membantu memperkasakan UiTMCJ sebagai hab pendidikan tinggi terkemuka khususnya di daerah Segamat seraya membangunkan hab ekonomi yang lain.

Usai pertemuan tersebut, delegasi YB Dato' Zahari telah dibawa melawat ke kawasan penternakan lebah kelulut UiTMCJ. Menerusi lawatan itu, satu sumbangan berbentuk cek sebanyak RM6,000 telah diserahkan secara terus oleh YB kepada pengerusi PEWANI iaitu Puan Rahimah binti Mohd Amin bagi membantu mengembangkan usaha penternakan tersebut. YB juga telah sudi menanam pokok sebagai salah satu sumber makanan utama lebah kelulut. Sesi lawatan diteruskan dengan membawa delegasi YB ke projek tanaman nanas MASMED, UiTMCJ yang berkeluasan sebanyak dua ekar.

Di penghujung sesi kunjungan ini, YB Dato' Zahari sekali lagi telah menyerahkan cek sumbangan bernilai RM5,000 kepada Unit Kesihatan, UiTMCJ bagi membeli keperluan pelitup muka dan cecair sanitasi tangan. Program kunjungan yang berlangsung selama hampir dua jam ini telah diakhiri dengan sesi penyampaian cenderahati oleh Rektor UiTMCJ kepada YB Dato' Zahari serta Ahli-ahli Majlis Perbandaran Segamat.

UiTMCJ juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada petugas-petugas dalam kalangan staf UiTMCJ pada hari tersebut iaitu En. Husin bin Mutalib, En. Norhisham bin Ambi, Puan Noor Azrin Zainuddin, Dr. Shamala & AJK Inisiatif Peternakan Lebah Kelulut dan Cik Siti Nordiyana Isahak yang telah bertungkus lumus membantu menjayakan program kunjungan ini.

Semoga dengan adanya sesi kunjungan ini maka ukhwah dan kerjasama yang erat akan berterusan terjalin di antara semua pihak dan besar harapan UiTMCJ agar segala projek-projek yang dijalankan akan memberi manfaat kepada masyarakat terutamanya komuniti setempat.





eISSN 2811-3616
9 772811 361007

SIDANG REDAKSI DETIK-DETIK HARIAN 2021
PENULIS : Wan Mohd Farid bin Wan Zakaria EDITOR : Nur Liyana Mohamed Yusop KONSEP DAN REKABENTUK : Syamsul Firdaus bin Sardi
HAKCIPTA TERPELIHARA UNIT KOMUNIKASI KORPORAT UITM CJ

